

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA :4(B)(XII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

5. Dalam Mesyuarat MMK Tebatan Banjir pada 2017, ADUN Penanti dan ADUN Bukit Tengah ada mengadu mengenai masalah banjir akibat daripada saliran di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Satu mesyuarat khas akan diadakan.
- (a) Apakah keputusan daripada mesyuarat tersebut untuk Kawasan Penanti?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Mesyuarat Penyelarasan Isu Penyelenggaraan Sistem Saliran Dan Pembentung Dalam Kawasan ROW Bil.2 yang diadakan pada 8 Jun 2018 yang turut dihadiri oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mencapai keputusan seperti berikut:
- (a) Semua agensi termasuk LLM perlu mengemukakan senarai inventori dan jadual penyelenggaraan berkala kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk direkodkan dan dirujuk sekiranya terdapat sebarang aduan.
- (b) LLM menjelaskan penyelenggaraan bagi sistem saliran dan struktur di bawah tanggungjawab mereka adalah kawasan yang terletak dalam ROW mereka sahaja. Bagi sistem saliran yang berada di luar ROW LLM, kerja-kerja penyelenggaraan adalah di luar bidang kuasa LLM dan bergantung kepada pemiliknya sama ada JPS, Majlis Perbandaran Seberang Perai atau Jabatan Kerja Raya.

- (c) Mesyuarat mengesyorkan semua agensi untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tambahan selain daripada kerja yang telah ditetapkan dalam jadual penyelenggaraan berkala sekiranya terdapat keperluan mendesak yang memerlukan penambahan kerja-kerja penyelenggaraan.